



# Mari cari kerja di Karnival Eksplorasi Kerjaya 2012

SEREMBAN, 20 Nov. - Karnival Eksplorasi Kerjaya 2012 yang diadakan sempena Pesta Konvoesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 merupakan landasan terbaik bagi graduan mencari peluang dan ruang bagi memenuhi kehendak pasaran kerja.

Karnival anjuran USIM dengan kerjasama Job House Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Utusan Melayu (M) Bhd. itu akan diadakan selama tiga hari bermula 22

hingga 24 November ini.

Pengarah program, Amirul Affendy Md. Saad berkata, program yang diadakan di Kompleks Sukan Tunku Najihah di USIM itu akan bermula 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

“Program ini bertujuan memberikan pendedahan berhubung peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi swasta dan kerajaan yang turut menyertai karnival ini.

“Karnival ini juga diyakini mam-

pu menjadi platform terbaik bagi graduan termasuk penuntut universiti ini bertemu dengan bakal majikan untuk mencari maklumat, selain membuat persediaan awal dalam menentukan hala tuju kerjaya masing-masing,” katanya di sini hari ini.

Katanya, program tersebut dibuka kepada umum dan kehadiran orang ramai amat dialu-alukan.

“Mereka boleh menyertai pelbagai pengisian yang disediakan dalam program tersebut termasuk

pameran, diskusi kerjaya dan temuduga terbuka,” ujarnya.

Katanya, program yang masuk kali ketujuh penganjurannya itu meliputi tiga fokus utama iaitu ‘Jom Rancang’, ‘Jom Kerja’ dan ‘Jom Temuduga’.

“Antara agensi dan syarikat yang terlibat dalam program ini termasuk Pusat JobsMalaysia, Jobstreet.com, Mutawwif Training & Consultancy, Telaga Biru Sdn. Bhd., Puzat Zakat Negeri Sembilan dan Takaful Ikhlas,” jelasnya.